



NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

Khairy jawab persoalan Anwar

Muhammad Yusri Muzamir - Mac 16, 2021 @ 12:33pm

yusri.muzamir@bh.com.my



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin (tiga kanan) bergambar bersama jururawat ketika melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Stadium Indera Mulia pada Lawatan Kerja di Ipoh. - Foto Sharul Hafiz Zam

KUALA LUMPUR: Makluman melalui khidmat pesanan ringkas sudah dihantar kepada 1.4 juta pengguna yang dikenal pasti tidak melengkapkan pendaftaran vaksinasi mereka.

Makluman itu dibuat untuk meminta pengguna berkenaan melengkapkan penilaian vaksinasi bagi membolehkan maklumat janji temu diberikan kepada mereka.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata aplikasi MySejahtera turut dilengkapi rekod pendaftaran pertama vaksinasi setiap pengguna bagi mengatasi pendaftaran berulang.

Selain itu, katanya, 'user interface' baharu yang dikeluarkan Sabtu lalu, menunjukkan tarikh pengguna membuat pendaftaran kali pertama.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Sabah wujud Pasukan Petugas Khas program vaksinasi](#)
- [Vaksin COVID-19: Langkah berjaga sebelum terima suntikan](#)
- [Ahli farmasi sedia bantu program vaksinasi COVID-19](#)
- [Harga vaksin COVID-19](#)

VAKSIN



NASIONAL Mac 16, 2021 @ 5:17pm

[Agong lawat Pusat Vaksinasi KKKL](#)



NASIONAL Mac 16, 2021 @ 4:07pm

[Pelajar hebahkan manfaat vaksinasi](#)

Khairy jawab persoalan Anwar
dimaklumkan kepada PAC

"Bagi program kesedaran melawan kumpulan antivaksin dan memberi keyakinan kepada orang ramai, ini sememangnya telah banyak kali dilakukan bukan sahaja oleh saya, malah juga banyak pihak lain.

"Siri penerangan telah dilaksanakan di pelbagai platform sama ada di media massa, cetak mahu pun sosial.

"Program bantuan 'outreach' juga ketika ini berjalan di seluruh negara bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan vaksin," katanya dalam kenyataan, hari ini.

ADVERTISING



Beliau mengulas kenyataan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang membangkitkan beberapa persoalan mengenai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).


Mengenai perolehan vaksin, Khairy yang juga Menteri Penyelaras program itu berkata, kerajaan masih terikat dengan 'non-disclosure agreement' (perjanjian kerahsiaan) dimeterai bersama syarikat pengeluar.



NASIONAL Mac 16, 2021 @ 3:02pm
Suntikan vaksin tak batalkan puasa - Mufti



NASIONAL Mac 16, 2021 @ 11:34am
Anwar terima suntikan vaksin COVID-19



NASIONAL Mac 15, 2021 @ 8:06pm
Pendaftaran sukarelawan program imunisasi COVID-19 dibuka



NASIONAL Mac 15, 2021 @ 6:56pm
Kluster Jalan Sekerat di Kedah

TRENDING



KORPORAT 12 minit yang lepas
AirAsia dapat kepercayaan pelabur terkemuka



NASIONAL sejam yang lepas
Nanas kembar lapan



NASIONAL 3 jam yang lepas
Banyak 'jiwa kacau' di media sosial, perlu dikawal sebelum parah



AMERIKA 3 jam yang lepas
Polis Houston tertembak kanak-kanak berusia setahun



NASIONAL 4 jam yang lepas
Tuduhan polis kejam tidak adil - KPN

MYRESIPI




INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:45pm
Dah Bosan Asyik Makan Sambal Belacan Je? Jom Cuba Resepi Sambal Kucai Pula, Padu!



INFOMASI Mac 9, 2021 @ 2:44pm
Resepi Tauhu Kukus Sos Tiram Chinese Style, Simple Tapi Lazat




INFOMASI Mac 8, 2021 @ 7:26pm
Resepi Bubur Kacang Hijau Durian Kegemaran Ramai, Pembuka Selera Yang Terbaik!



INFOMASI Mac 8, 2021 @ 7:26pm
Resepi Ikan Percik Simple Ala Kelantan



INFOMASI Mac 5, 2021 @ 2:52pm



Ini Resepi Kalio Ayam Minang, Sesuai Dinikmati Bersama Keluarga

Bagaimanapun, katanya, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba; Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan pihaknya sudah membentangkan maklumat serta perincian lanjut mengenainya kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen, pada 5 Januari lalu.

"Butiran dan kertas perjanjian juga telah ditunjukkan kepada PAC. Terdapat juga wakil PKR dalam PAC.

"PAC menerusi kenyataan Pengerusinya yang juga Ahli Parlimen Ipoh Timor dari DAP berpuas hati dengan pembentangan dan tatacara perolehan vaksin COVID-19," katanya.

Dalam pada itu, Khairy turut menafikan andaian Anwar berhubung kerajaan tidak memberi perhatian kepada vaksin keluaran Russia, Sputnik V, selain menjelaskan ia terdapat dalam portfolio pembelian vaksin COVID-19.

Katanya, vaksin Sputnik V ketika ini dalam penilaian Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi tujuan kelulusan dan pendaftaran.

Beliau berkata, Anwar turut membangkitkan persoalan mengenai pembabitan penyelidik tempatan dalam pembangunan vaksin.

"Kementerian telah membiayai penyelidikan dan pembangunan (R&D) vaksin tempatan bagi penyakit COVID-19 menerusi MOSTI Combating COVID-19 Fund (MCCOF) kepada dua kumpulan penyelidik, iaitu Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Kita juga akui Malaysia tidak mempunyai fasiliti lengkap pembuatan vaksin. Justeru, dalam rundingan pembelian vaksin COVID-19 dengan beberapa pembekal, kerajaan telah memasukkan elemen nilai tambah bagi membolehkan Malaysia membangunkan kapasiti pembangunan vaksin dalam negara pada masa depan.

"Maklumat mengenai nilai tambah ini dimuatkan dalam buku panduan program yang boleh dimuat turun di laman web www.vaksincovid.gov.my," katanya.

Beliau berkata, maklumat lanjut mengenai program itu akan dibentangkan pada sesi taklimat kepada Ahli Parlimen yang akan diadakan nanti.

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Feb 24, 2021 @ 4:36pm

465,081 daftar sebagai penerima vaksin COVID-19




NASIONAL Feb 15, 2021 @ 1:06pm

Program imunisasi penting untuk pulih ekonomi



NASIONAL Feb 13, 2021 @ 7:12pm




NASIONAL Feb 24, 2021 @ 6:14pm

KJ jawab persoalan pengagihan vaksin COVID-19

Vaksinisasi di negeri secara berperingkat

Disyorkan untuk anda

Recommended by |



Neuropathy (Nerve Pain)? Do This Immediately...
Did U Know Reviews



Invest now \$ 250 in Companies like Netflix and get a...
Smart Invest



People Who Wore The Wrong T-Shirt At The Right Time
TooCool2BeTrue



COVID-19 pushed aviation industry to brink of...
CNA - In Conversation
[Watch More](#)



Putrajaya: This mosquito repellent bracel...
all-gadgets-reviews.com



Your IQ Is 142 If You Get 15/20 On This General...
Parentsdomo Galleries



The Price of Mattresses for Seniors in...
Mattress | Search Ads



Malaysia - Latest news & coverage
CNA



IKUTI KAMI DI:



- BERITA**
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- SUKAN**
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- MULTIMEDIA**
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- LANGGAN**
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- PERKHIDMATAN**
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLik](#)